

12 DEC 1998

DR MAHATHIR AKAN HADIRI SIDANG KEMUNCAK ASEAN DI HANOI

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Sidang Kemuncak Asean keenam di Hanoi pada 15 dan 16 Dis ini.

Ia adalah mesyuarat semua ketua negara/kerajaan Asean yang diadakan tiga tahun sekali.

Kementerian Luar berkata hari ini pada mesyuarat itu beberapa isu dijangka akan dibincangkan termasuk krisis kewangan dan ekonomi semasa dan penyatuan perpaduan dan kerjasama Asean.

Para pemimpin itu dijangka akan menandatangani Deklarasi Hanoi 1998 dan menerima pakai Pelan Tindakan Hanoi, katanya dalam satu kenyataan,

Pada sidang kemuncak itu, dua perjanjian rangka kerja Asean dan satu Protokol Asean akan ditandatangani oleh menteri-menteri ekonomi Asean -- Perjanjian Rangka Kerja mengenai Fasilitasi Barangan dalam Transit, Perjanjian Rangka Kerja Peraturan Pengiktirafan Bersama dan Protokol untuk Melaksanakan Pakej Kedua Komitmen di bawah Perjanjian Rangka Kerja Asean mengenai Perkhidmatan.

Ia juga akan membincang dan menerima pakai Laporan Menteri-Menteri Luar Asean kepada Ketua Negara/Kerajaan.

Laporan itu mengandungi kemajuan pelaksanaan dan pembangunan politik, keselamatan, ekonomi, hubungan luar dan Sekretariat Asean sejak sidang kemuncak Asean yang lepas di Bangkok.

--BERNAMA

zks WAT